

**Liga Arab hantar mesej keras gesa Presiden Syria henti bunuh rakyat**  
**Reuters**  
**29 Oktober , 2011**

KAHERAH, 29 Okt — Menteri-menteri Arab menghantar mesej segera kepada Presiden Syria Bashar al-Assad menggesa agar beliau menghentikan keganasan berlanjutan selama tujuh bulan ekoran pembunuhan 40 penunjuk perasaan prodemokrasi oleh pihak berkuasa negara itu semalam.

Ia merupakan mesej paling keras dikeluarkan oleh Liga Arab berhubung tindakan keras pihak berkuasa Syria selama ini.

Semalam, pasukan keselamatan negara itu menembak mati sekurang-kurangnya 40 penunjuk perasaan yang meminta agar perlindungan antarabangsa diberikan ke atas mereka, demikian menurut aktivis.

Jawatankuasa Menteri Liga Arab Mengenai Krisis Syria berkata, ia telah menghantar mesej penting... kepada kerajaan Syria melahirkan perasaan tidak puas hati mendalam ke atas pembunuhan berterusan rakyat awam Syria."

Jawatankuasa "melahirkan harapan agar kerajaan Syria akan mengambil tindakan untuk melindungi rakyat awam," kata kenyataan itu.

Menteri-menteri Arab dijadual mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai Syria di Doha esok.

Kebanyakan kematian adalah di bandar Hama dan Homs di mana pihak yang setia kepada Bashar mengambil tindakan keras ke atas mereka yang menentang presiden itu. — Reuters

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/liga-arab-hantar-mesej-keras-gesa-presidan-syria-henti-bunuh-rakyat/>